

6 JAN 1996

Muhammad

MB SELANGOR SETUJU SARANAN PM ELAK BERPASUKAN

KANGAR, 6 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhamad Taib yang akan mempertahankan jawatan Naib Presiden UMNO pada pemilihan November ini percaya anggota-anggota UMNO kian matang membuat pilihan.

Katanya kewibawaan dan kemampuan para calon sudah pasti menjadi ukuran utama pada pemilihan itu berbanding kekuatan pasukan yang terbentuk.

Beliau bersetuju dengan nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya para calon yang berhasrat untuk memegang jawatan-jawatan utama bertanding atas dasar kewibawaan mereka dan bukan kekuatan pasukan.

"Pandangan Presiden UMNO itu baik dan boleh dijadikan panduan," katanya kepada pemberita selepas berceramah pada kursus sivik yang bertemakan "Setengah Abad Perjuangan Bangsa" anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Perlis di Arau dekat sini hari ini.

Menurutnya, pandangan Perdana Menteri supaya kewibawaan calon dijadikan landasan bagi mereka yang berhasrat bertanding memberi peluang kepada setiap anggota UMNO membuat penilaian terhadap mana-mana pemimpin.

"Saya fikir banyak pemimpin yang berwibawa. Terpulanglah kepada perwakilan untuk menilainya kelak," katanya.

Kira-kira 400 peserta menyertai kursus sehari yang bertujuan memberi pendedahan tentang sejarah perjuangan para pemimpin negara sejak setengah abad lalu. -- BERNAMA